

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS PERPISAHAN RASMI OLEH KERAJAAN BAGI KEBAWAH  
DULI-DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG DAN RAJA  
PERMAISURI AGONG,

TEMPAT: DEWAN BANKUET, BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH: 23 APR 1984

MASA:

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Ampun Tuanku, beribu-ribu ampun,  
sembah patek harap diampun.

Patek bagi pihak Kerajaan dan rakyat Malaysia, ingin  
menyembah junjung kasih kepada Kebawah Duli-Duli Yang Maha  
Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Raja  
Permaisuri Agong, di atas limpah perkenan Tuanku berdua  
berangkat ke Majlis Perpisahan oleh Kerajaan ini kepada  
Kebawah Duli Tuanku berdua.

2. Ampun Tuanku, patek bagi pihak Kerajaan dan rakyat  
sekalian terlebih dahulu ingin merakamkan terima kasih atas  
jasa dan perkhidmatan Kebawah Duli Tuanku kepada negara  
sejak 5 tahun yang lalu. Negara kita telah mengalami  
kemajuan pesat dalam semua lapangan seperti ekonomi, sosial  
dan pendidikan, semasa di bawah naungan Kebawah Duli Tuanku.  
Walaupun negara ini telah sama-sama mengalami kesan  
kemelesetan ekonomi dunia 3 tahun yang telah lalu, Kerajaan  
di bawah naungan Tuanku telah berjaya mengurangkan kesan  
itu, bahkan negara telah berjaya maju ke hadapan dengan  
kadar yang sederhana.

3. Patek sekalian sungguh menyanjung tinggi minat Tuanku  
dalam beberapa lapangan. Kebawah Duli Tuanku memang layak  
sekali digelar sebagai 'peminat sukan utama'. Minat Tuanku  
itu dapat disaksikan oleh rakyat, bukan sahaja tatkala  
Kebawah Duli Tuanku beramah mesra dengan ahli-ahli sukan  
negara ini, bahkan dapat disaksikan juga tatkala Tuanku  
sendiri menyertai bersama di dalam beberapa permainan yang  
diadakan, sama ada di Ibu Kota ataupun di tempat-tempat  
lain. Bahkan Kebawah Duli Tuanku merupakan seorang Raja  
yang telah mengetuai persatuan bolasepak peringkat negeri  
yang ulung sekali di negara ini. Di samping itu patek dan  
rakyat sekalian sungguh menyanjung tinggi apabila Kebawah  
Duli Tuanku berkenan dijadikan ahli kehormat seumur hidup  
Persatuan Bolasepak Malaysia, iaitu Raja yang ulung juga  
dianugerahkan dengan kehormatan dalam bidang sukan bolasepak  
di negara ini. Patek dan Kerajaan mengambil kesempatan ini  
bagi mengucapkan setinggi tahniah kepada Kebawah Duli Tuanku  
di atas penganugerahan pingat emas 'Olympic Order' oleh  
Majlis Olimpik Antarabangsa baru-baru ini. Melalui arena

sukan inilah Kebawah Duli Tuanku dapat mendekati hati kecil nurani bukan sahaja peminat-peminat sukan tanahair, bahkan juga rakyat jelata negara ini.

Ampun Tuanku,

4. Kebawah Duli Tuanku terkenal juga sebagai seorang peminat kesusasteraan dan mengambil berat tentang perkembangannya. Kebawah Duli Tuanku bukan sahaja menghadiri sendiri beberapa upacara dan perjumpaan kesusasteraan, tetapi pernah juga membaca puisi dan sajak di upacara-upacara tersebut. Patek dan rakan-rakan lain menganggap minat Kebawah Duli Tuanku itu sebagai penggalak utama kepada perkembangan kesusasteraan di negara ini sejak 5 tahun yang lepas. Patek berharap minat Kebawah Duli Tuanku akan terus menjadi penggalak kepada perkembangan bidang ini di masa hadapan.

5. Patek dan anggota-anggota Kerajaan ingin merakamkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kebawah Duli Tuanku kerana telah memberi panduan dan galakan dalam beberapa perkara semasa patek dan anggota-anggota Kerajaan menjalankan tugas harian mentadbir negara ini. Patek yakin Kebawah Duli Tuanku akan terus memberi sumbangan bagi kesejahteraan negara pada masa hadapan.

6. Patek bagi pihak Kerajaan ingin merakamkan penghargaan kepada Kebawah Duli Tuanku di atas peranan yang dimainkan oleh Kebawah Duli Tuanku menjadi 'Duta Di-Raja' kepada negara ini. Kebawah Duli Tuanku telah melakukan beberapa lawatan ke luar negeri dan negara ini menerima manfaatnya dengan lebih dikenali oleh rakyat di negara-negara yang dilawati oleh Kebawah Duli Tuanku itu. Kebawah Duli Tuanku telah juga menaikkan imej negara ini melalui kemesraan Kebawah Duli Tuanku tatkala berkenan menerima kunjungan pelawat-pelawat utama dari luar negeri.

7. Patek bagi pihak Kerajaan dan rakyat, berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala mencucuri rahmat ke atas Kebawah Duli Tuanku. Patek berdoa semoga Kebawah Duli Tuanku akan terus aktif di dalam bidang yang diminati oleh Tuanku seperti sukan dan kesusasteraan. Menjelang keberangkatan Kebawah Duli Tuanku ke Negeri Pahang, patek berdoa semoga negeri Pahang dan rakyatnya akan terus makmur.

Ampun Tuanku,

8. Patek bagi pihak Kerajaan dan rakyat juga ingin merakamkan penghargaan dan junjungan kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong yang sentiasa menjadi inspirasi kepada kesejahteraan negara ini. Di samping selalu berada di sisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Kebawah Duli Tuanku Raja Permaisuri selalu berkenan menghadiri upacara perasmian di Ibu Negara ini dan di tempat-tempat lain. Patek dan rakyat sekalian berdoa semoga Kebawah Duli Tuanku Raja Permaisuri Agong akan dicucuri

rahmat oleh Allah Subhanahu Wataala.

9. Sekali lagi patek bagi pihak Kerajaan dan rakyat menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong kerana sudi berangkat ke Majlis Perpisahan rasmi ini.

Ampun Tuanku,

Wabillahi taufik, walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.